

Kecederaan masih belenggu Jun Hoong



Kuala Lumpur: Juara terjun dunia, Cheong Jun Hoong masih bertarung untuk pulih daripada kecederaan belakang yang boleh menggugat kariernya.

Penerjun berusia 27 tahun itu terpaksa melupakan acara 10 meter platform individu wanita pada Grand Prix (GP) Terjun Kuala Lumpur di Bukit Jalil, bermula pada Jumaat ini.

Acara berkenaan dimenangkannya ketika Kejohanan Dunia di Budapest pada Julai lalu.

Untuk rekod, Jun Hoong masih belum bertanding dalam acara platform individu pada sebarang kejohanan sejak memenangi gelaran dunia dan Sukan

SEA Kuala Lumpur Ogos lalu.

Dia hanya bertanding dalam acara 1m papan anjal yang menyaksikannya memenangi emas.

“Jun Hoong sudah mengalami kecederaan belakang ketika memenangi gelaran dunia. Dia menjalani pemulihan dan sepatutnya bersedia dalam acara platform individu pada tahun depan di mana dia akan memulakan musimnya pada Siri Dunia,” kata jurulatih, Yang Zhuliang.

“Faktor usia Jun Hoong mengambil sedikit masa untuk pulih daripada kecederaan. Dia perlu mengharunginya dengan perlahan-lahan jika mahu me-

layakkan diri dan bertanding di Sukan Olimpik 2020 Tokyo.

Lebih masa

“Saya memberinya lebih masa untuk pulih daripada kecederaan belakang dan masalah lain. Acara platform individu adalah disiplin yang kompleks dan rutin acara itu sukar untuk dilaksanakan.

“Dia juga menggunakan masa ini untuk cuba mempelajari rutin yang sukar bagi acara ini memandangkan darjah kesukarannya kini tidaklah tinggi seperti penerjun berkelas dunia lain.”

Jun Hoong akan menyertai acara platform campuran ber-

Info

Skuad negara ke GP Kuala Lumpur

→ **Lelaki** - Ooi Tze Liang, Ahmad Amsyar Azman, Chew Yiwei, Jellson Jabillin, Syafiq Puteh

→ **Wanita** - Pandelega Rinong, Leong Mun Yee, Cheong Jun Hoong, Nur Dhabitah Sabri, Jasmine Lai, Kimberly Bong, Traisy Vivien Tukiet

BERITA HARIAN
24/10/2017 p. 76

gandingan dengan penerjun remaja, Jellson Jabillin pada GP KL sementara Pandelega Rinong dan Kimberly Bong akan bertanding acara platform individu di GP KL dan GP Gold Coast (9 hingga 12 November).

Zhuliang bagaimanapun mendedahkan kebanyakan penerjunnya tidak bersedia sepenuhnya bagi GP KL memandangkan mereka sibuk dengan persekolahan dan peperiksaan yang menyebabkan kurangnya latihan namun akan cuba melakukan yang terbaik pada kejohanan hujung minggu ini.

Oleh Ajitpal Singh